



**KENYATAAN MEDIA**  
**TIADA PENANGGUHAN KEMASUKAN PELAJAR KE UNIMAS**  
**UNTUK SESI 2020/2021**

---

**KOTA SAMARAHAN** - Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) ingin memaklumkan bahawa sehingga kini, belum ada keputusan berkenaan penangguhan tarikh kemasukan pelajar-pelajar program prasiswazah baharu serta pelajar-pelajar sedia ada pada Semester 1, Sesi 2020/2021 yang dijadualkan bermula pada 5 Oktober 2020. Makluman ini merujuk kepada laporan berita dan media sosial yang diwar-warkan berkenaan penangguhan kemasukan pelajar Universiti Awam di Kedah dan Sarawak berikutan pandemik COVID-19.

Sehubungan itu, sesi kemasukan pelajar-pelajar tahun pertama program prasiswazah UNIMAS masih diteruskan mengikut tarikh yang telah ditetapkan sebelum ini iaitu pada 5 – 8 Oktober 2020. Manakala, tarikh kemasukan bagi pelajar-pelajar baharu Pra-Universiti UNIMAS adalah pada 1 – 5 September 2020 dan bagi pelajar-pelajar siswazah (secara kerja kursus) adalah pada 7 – 9 Oktober 2020. Pelajar semasa UNIMAS pula akan memulakan sesi perkuliahan pada 12 Oktober 2020 menggunakan sistem pembelajaran atas talian sepenuhnya.

UNIMAS ingin memaklumkan bahawa Universiti ini sentiasa mengambil berat mengenai kebajikan pelajar dan akan terus memantau perkembangan situasi terkini. Kementerian Pengajian Tinggi turut memaklumkan bahawa pendaftaran pelajar hanya akan ditunda sekiranya berlaku peningkatan kes penularan wabak COVID 19. Sebarang keputusan selanjutnya akan diumumkan kemudian tertakluk kepada perubahan/arahan Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Sarawak dari semasa ke semasa.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh diajukan kepada:

**Pusat Pengajian Pra-Universiti:**

E-mel ke [pppu@unimas.my](mailto:pppu@unimas.my) atau hubungi 082-582331/ 082-582332/ 082-582333 (Isnin – Jumaat, 8.00 pagi – 5.00 petang).

**Bahagian Pengajian Prasiswazah:**

E-mel ke [adminbpps@unimas.my](mailto:adminbpps@unimas.my) atau hubungi 082-581166 (Isnin – Jumaat, 8.00 pagi – 5.00 petang).

**Pusat Pengajian Siswazah:**

E-mel ke [cgs\\_general@unimas.my](mailto:cgs_general@unimas.my) atau hubungi 082-581053 (Isnin – Jumaat, 8.00 pagi – 5.00 petang).

**UNIMAS GLOBAL**  
**Jumaat, 21 Ogos 2020**